



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SELURUH KAWASAN KILANG JIMAT JAYA SDN. BHD. DAN ASRAMA PENGINAPAN PEKERJA TAMAN SEROJA, SUNGAI LALANG KEDAH DARUL AMAN

Dikemaskini pada 2 Julai 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan rawatan kesihatan dan urusan kematian
- Perkhidmatan perlu (Essential Services)**

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD **tanpa kebenaran PDRM**

Aktiviti Tetap

- Subseksyen 11(3) Akta 342;**
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah **Akta 342.**

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti keterangan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
--------------------	--------	---------------------------	---	---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan Terlibat	Seluruh Kawasan Kilang Jimat Jaya Sdn. Bhd yang beralamat di Plot 21-24, Kawasan Industri Ringan Bukit Makmur, Sg. Lalang dan Asrama Penginapan Pekerja yang beralamat di No.1 Tingkat 1 & 2, Jalan Seroja 3/2, Taman Seroja, Sungai Lalang, Kedah Darul Aman.
	4 Julai 2021, jam 12.00 pagi sehingga 17 Julai 2021, jam 11.59 malam
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. Pergerakan keluar/masuk dalam kawasan PKPD adalah TIDAK DIBENARKAN. Pergerakan keluar/masuk di kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan urusan kematian, DIBENARKAN setelah mendapat kebenaran daripada PDRM dan KKM berdasarkan case to case basis. Pergerakan keluar/masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian dalam Kawasan perindustrian seperti bekalan bahan memasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan hanya dengan kebenaran PDRM. Semua pekerja Bukan Warganegara (BWN) hendaklah dikuarantin serta ditempatkan di dalam kawasan PKPD dan diuruskan oleh Pengurusan Kilang Jimat Jaya Sdn. Bhd.
Saluran Makanan dan Barang Keperluan Asas	<ul style="list-style-type: none"> Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diuruskan oleh pihak Pengurusan Kilang Jimat Jaya Sdn. Bhd. Pemberian bantuan bekalan makanan dan keperluan asas diagihkan oleh pihak Pengurusan Kilang Jimat Jaya Sdn. Bhd. dan dibantu oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah. Sumbangan makanan dan barangan keperluan asas daripada NGO, Wakil Rakyat dan lain-lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat selain Islam, rekreasi dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. APA-APA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN